

**CONTOH SOALAN – SOALAN PEPERIKSAAN ASAS TAKAFUL
SET 1/2015**

- 1 Manakah antara pelan berikut menyediakan perlindungan terhadap penyakit terminal yang ditetapkan**
- A. Takaful Perubatan Utama Lebihan
 - B. Takaful Penyakit Kritikal**
 - C. Takaful Perbelanjaan Perubatan
 - D. Takaful Perubatan Utama Komprehensif
- 2 Manakah antara berikut adalah kekurangan kepada pelanggan yang timbul daripada Penggantian Sijil**
- I Sijil peserta hendaklah memulakan semula tempoh kelayakan sebelum kontrak baru akan menjadi bukan – pelucuthakan
 - II Sumbangan untuk sijil baru akan lebih tinggi daripada sijil yang sedia ada
 - III Peserta menampung beban kos permulaan sijil Takaful Keluarga sebanyak dua kali
 - IV Klausula bunuh diri dan fasal yang tidak dapat dipertikai (jika ada) bermula sekali lagi dengan sijil yang baru
- A I, II, dan III
 - B I, III, dan IV
 - C II, III dan IV
 - D I, II, III dan IV**
- 3 Encik Ali membeli sebuah rumah baru dua tingkat bernilai RM500,000 melalui pinjaman perumahan XYZ Bank dan menginsurkannya dengan nilai RM500,000 dengan Syarikat Takaful Apex untuk tempoh selamat satu tahun. XYZ Bank sebagai pemegang gadai janji juga telah menginsurkannya dengan syarikat Takaful lain dengan nilai RM300,000. Selepas 6 bulan dan akibat kerosakan pendawaian, rumah Encik Ali terbakar dengan kos kerugian sebanyak RM80,000. Berapakah jumlah gantirugi yang perlu dibayar oleh Syarikat Takaful Apex?**
- A. RM43,500
 - B. RM53,750
 - C. RM50,000**
 - D. RM43,750
- 4 Siapakah yang bertanggungjawab untuk kos dokumen seperti laporan perubatan sokongan semasa penyerahan awal tuntutan?**
- A. Operator Takaful
 - B. Orang yang menuntut**
 - C. Ejen Takaful
 - D. Penyelaras
- 5 Siapakah pihak yang mempunyai kepentingan dan berhak untuk menerima manfaat Sijil Takaful**
- A. Ejen
 - B. Broker
 - C. Peserta**
 - D. Pengendali Takaful
- 6 Yang manakah diantara situasi – situasi berikut BUKAN contoh risiko peribadi**
- A. Kematian pra matang
 - B. Pengangguran
 - C. Inflasi**
 - D. Kesihatan kurang baik

- 7 **Produk Takaful Perubatan dan Kesihatan biasanya dipasarkan sebagai**
- A. **Sijil Individu atau Berkumpulan**
 - B. Bertempoh atau Pelbagai Sijil
 - C. Pembayaran Balik atau Sijil Berkumpulan
 - D. Sijil Pelbagai atau Sijil Mel Terus
- 8 **Apakah proses semasa penglibatan awal dengan prospek?**
- A. **Mewujudkan dan menjelaskan hubungan pelanggan – ejen**
 - B. Mengumpulkan semua data kewangan termasuk matlamat
 - C. Menganalisa dan menilai status kewangan pelanggan
 - D. Memantau cadangan
- 9 **Yang manakah di antara berikut TIDAK benar mengenai Dana Pendapatan di bawah Pelan Takaful Berkaitan Pelaburan?**
- A. **Dana Pendapatan adalah dana yang dirangka bagi untuk menyediakan pendapatan minimum**
 - B. Dana Pendapatan memilih pelaburan yang biasanya menyediakan dividen atau keuntungan
 - C. Pelabur yang mengambil sikap mengelak risiko lebih suka melabur dalam Dana Pendapatan
 - D. Nilai Dana Pendapatan tidak akan meningkat sebanyak nilai dana pertumbuhan
- 10 **En Ahmad bekerja di salah sebuah bank Islamik di Malaysia. Sumbangan beliau kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada tahun 2013 adalah RM10,000. Beliau juga telah menyertai Takaful Keluarga dengan sumbangan bulanan sebanyak RM500. Beliau juga telah mengambil bahagian dalam Takaful Pendidikan dengan sumbangan bulanan sebanyak RM300 sebagai persediaan untuk pendidikan anaknya. Kirakan amaun pelepasan cukai bagi Tahun 2013.**
- A. **RM9,000**
 - B. RM19,000
 - C. RM13,000
 - D. RM10,000
- 11 **Kesepakatan pendapat ulama selepas kewafatan Rasulullah SAW dalam menyelesaikan masalah berkaitan kedudukan perundangan**
- A. Quran
 - B. Sunnah
 - C. **Ijmak**
 - D. Qisyas
- 12 **Dibawah doktrin penuh percaya mutlak, pihak manakah yang perlu mendedahkan semua fakta – fakta penting**
- I Pengendali Takaful
 - II Peserta
 - III Pengantara
 - IV Waris
- A **I dan II**
 - B I, III dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 13 **Mana antara berikut adalah kelebihan saham pilihan**
- A. Hak untuk mengundi dan memilih lembaga pengarah
 - B. **Keutamaan dalam pengagihan pendapatan**
 - C. Perlindungan nilai terhadap inflasi yang meningkat
 - D. Pendapatan tetap untuk sepanjang hayat

14 Penyerahan sijil menyediakan ejen dengan peluang – peluang berikut

- I Menyediakan asas untuk berhubung semula dengan pelanggan
- II Memperkukuhkan hubungan dengan pelanggan
- III Memberi penekanan terhadap komitmen yang berterusan ejen – ejen takaful
- IV Mendapatkan senarai nama rujukan pelanggan

- A I, II dan III
- B II, III dan IV
- C I, III dan IV
- D I, II, III dan IV

15 Yang manakah di antara berikut merupakan ciri – ciri asas objektif pelaburan di bawah Pelan Takaful Berkaitan Pelaburan

- A. Pendapatan
- B. Perlindungan
- C. Risiko
- D. Perjudian

16 Berapakah had umur minimum sebagai pemilik sijil takaful

- A. 21 tahun
- B. 18 tahun
- C. 14 hari
- D. 15 tahun

17 Sesuatu pelan Takaful Keluarga itu dikatakan mencapai tahap _____ apabila ia melengkapkan tempoh penyertaan

- A. Matang
- B. Status tuntutan
- C. Nilai serahan
- D. Status pembaharuan



18 Manakah antara berikut yang dilindungi di bawah Kod Etika dan Perilaku

- I Agen Takaful
- II Pekerja Operator Takaful
- III Broker Takaful
- IV Adjuster Takaful

- A I
- B I dan II
- C I, II dan III
- D I, II, III dan IV

19 Kontrak Takaful Keluarga direka bagi menyediakan perlindungan dari bentuk risiko berikut:

- I Pembiayaan pinjaman bank
- II Kematian pra matang
- III Sakit atau hilang upaya
- IV Aliran pendapatan yang berterusan sebelum bersara

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C III dan IV
- D I, II dan IV

20 Apakah yang dimaksudkan dengan tempoh bertenang dalam Pelan Takaful Keluarga?

- A. Tempoh untuk peserta membuat keputusan sama ada untuk meneruskan perlindungan Takaful yang disertainya
- B. Tempoh di mana peserta perlu membuat bayaran sumbangan
- C. Tempoh dimana pengendali Takaful membuat bayaran balik sumbangan peserta
- D. Tempoh dimana peserta boleh membuat keputusan untuk bertukar kepada pelan Takaful yang lain

21 Di bawah Pelan Takaful Berkaitan Pelaburan yang manakah di antara dana berikut memberikan pulangan yang paling rendah?

- A. Dana Tunai
- B. Dana Terurus
- C. Dana Terimbang
- D. Dana Ekuiti

22 Manakah antara berikut adalah tanggungjawab agen berkenaan sijil Takaful?

- I Terangkan semua peruntukan penting dalam kontrak
- II Menarik perhatian kepada apa – apa sekatan termasuk pengecualian di bawah sijil
- III Menarik perhatian kepada sifat jangka panjang sijil dan kepada akibat daripada penamatan awal dan/atau serahan
- IV Menasihati peserta untuk menggantikan sijil yang sedia ada dengan yang baru

- A I, II dan III
- B I dan II
- C I, II dan IV
- D I

23 Susunkan jenis – jenis pelaburan berikut mengikut tahap risiko, iaitu dari tahap yang paling rendah kepada tahap risiko yang paling tinggi

- I Tunai dan deposit
- II Ekuiti
- III Sukuk
- IV Unit amanah

- A I, III, IV dan II
- B I, IV, III dan II
- C I, II, III dan IV
- D I, IV, II dan III

24 Berikut adalah jenis pelan – pelan Takaful Keluarga, KECUALI

- A. Takaful Bertempoh
- B. Indemniti Berganda
- C. Anuiti
- D. Endowmen/Pelan Simpanan

25 Manakah antara pernyataan berikut berkenaan dana berkaitan pelaburan ke atas pertukaran adalah BETUL?

- I Aktiviti pelaburan di mana unit dari satu dana dijual dan hasil daripada jualan itu dilaburkan semula dalam dana lain
- II Membenarkan pelabur mengambil peluang daripada keadaan pasaran
- III Satu cara yang mudah dan cepat untuk mengalihkan satu dana ke dana yang lain
- IV Cara yang mudah bagi pelabur untuk melindungi pelaburan mereka daripada turun naik pasaran

- A I, II dan III
- B I, III dan IV
- C II, III dan IV
- D I, II, III dan IV

26 Semua kenyataan yang dinyatakan dibawah adalah benar, KECUALI

- A. Wang tunai boleh dianggap sebagai pelaburan
- B. Nilai modal atas wang tunai tidak akan meningkat dan tidak akan menjana pendapatan tambahan dengan sendirinya
- C. Deposit tunai adalah instrument kecairan yang berisiko rendah atau tiada risiko walaupun amaun modal yang dilaburkan mengalami kerugian
- D. Instrumen tunai termasuklah Terbitan Pelaburan Kerajaan dan Akaun Bank

27 Apakah tujuan diadakan perbincangan mengenai cadangan yang berkemungkinan dengan pelanggan

- A. Mewujudkan dan menjelaskan hubungan pelanggan – ejen
- B. Mengumpulkan semua data kewangan termasuk matlamat
- C. Mengawasi cadangan
- D. Untuk memastikan pelanggan memahami sepenuhnya dan membuat keputusan yang wajar

28 Pelan Takaful Gadaijanji akan menyediakan kemudahan:

- A. Melindungi baki pinjaman perumahan
- B. Melindungi kejadian kehilangan hartabenda
- C. Manfaat persaraan pada waktu matang
- D. Simpanan dan pulangan pelaburan berserta dengan perlindungan individu

29 Bilakah peserta dibenarkan membuat tambahan nilai pelaburannya di bawah pelan berkaitan pelaburan?

- A. Tarikh jatuh bayaran sumbangan
- B. Tarikh ulangtahun sijil
- C. Pada bila – bila masa dalam tempoh kontrak
- D. Apabila sijil telah mengumpulkan nilai tunai

30 Yang manakah diantara berikut BUKAN objektif lazim pelaburan individu

- A. Simpanan
- B. Pendapatan
- C. Pertumbuhan Jangka Panjang
- D. Spekulasi

31 Dana pertumbuhan di bawah Pelan Takaful Berkaitan Pelaburan ialah portfolio yang direka bentuk bagi menyediakan:

- A. Pendapatan yang maksimum
- B. Kombinasi peningkatan modal dan pendapatan
- C. Perlindungan
- D. Peningkatan modal

32 Bilangan unit di bawah kaedah penetapan harga tunggal untuk sijil takaful berkaitan pelaburan sumbangan tunggal adalah 3,800 dengan jumlah perlindungan sebanyak RM5,000. Harga tawaran ketika pemilik sijil membayar sumbangan ialah RM1.00. Harga unit semasa berlaku kematian terhadap pemilik sijil ialah RM1.22. Di bawah manfaat nilai unit dicampur dengan jumlah perlindungan manfaat kematian, ini akan menjadikan manfaat kematian sebanyak:

- A. RM9,636
- B. RM8,800

- C. RM5,000
- D. RM4,636

33 Merujuk kepada peraturan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia apakah manfaat kematian minimum sumbangan tunggal Pelan Takaful Berkaitan Pelaburan:

- A. RM5,000 atau 125% dari sumbangan tunggal, yang mana lebih tinggi
- B. RM3,000 atau 125% dari sumbangan tunggal, yang mana lebih tinggi
- C. RM5,000 atau 125% dari sumbangan tunggal, yang mana lebih rendah
- D. RM7,500 atau 125% dari sumbangan tunggal, yang mana lebih tinggi

34 Fasal Penyaksian menghendaki _____ menurunkan tandatangan dengan niat yang baik

- A. Pegawai Pengendali Takaful yang diberi kuasa
- B. Ejen
- C. Pemegang Sijil
- D. Waris

35 Manakah antara kenyataan berikut mengenai sumbangan tetap Pelan Berkait Pelaburan adalah BENAR:

- I Tertakluk kepada peraturan pentadbiran, pengendali takaful biasanya membenarkan pelabur membuat tambah nilai
- II Perlindungan adalah objektif utama pelan ini, sementara pelaburan adalah tujuan nominal
- III Pengeluaran dan serahan biasanya dibenarkan selepas pelabur membuat bayaran sumbangan selama beberapa tahun
- IV Sumbangan tunggal yang dibuat akan digunakan untuk membeli unit pelaburan, dibawah dana berkaitan pelaburan, dan menyediakan perlindungan takaful keluarga biasa pada tahap tertentu.

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV



36 Bakal pelanggan takaful yang berurusan dengan ejen takaful dikenali sebagai _____

- A. Pelanggan
- B. Pembeli
- C. Pemegang sijil
- D. Prospek

37 Apabila pengantara menghubungi dan berjumpa dengan bakal pelanggan, ejen hendaklah:

- A. Memperkenalkan diri dengan menunjukkan kad kuasa sebagai pengantara berdaftar
- B. Memberitahu pengendali takaful mengenainya
- C. Meminta dan mengutip bayaran sumbangan takaful
- D. Meminta pengendali takaful mengeluarkan sijil

38 Apakah langkah seterusnya selepas ejen menganalisa maklumat pelanggan dan mula merangka pelan/perancangan yang membolehkan pelanggan mencapai matlamatnya

- A. Mewujudkan dan menjelaskan hubungan ejen – pelanggan
- B. Mengumpulkan semua data kewangan, termasuk matlamat
- C. Membincangkan cadangan – cadangan yang bersesuaian dengan pelanggan
- D. Mengawasi cadangan

39 Dana di bawah pelan Takaful berkaitan pelaburan boleh dibahagikan kepada:

- A. Unit permulaan dan unit pengagihan

- B. Unit permulaan dan unit pengasingan
- C. Unit pengumpulan dan unit pengagihan
- D. Unit pengumpulan dan unit pengasingan

40 Yang manakah di antara pernyataan berikut TIDAK BENAR mengenai sijil Takaful Keluarga?

- A. Sijil Takaful Keluarga yang menawarkan perlindungan untuk tempoh yang terhad dikenali sebagai Takaful Bertempoh
- B. Pelan pendidikan kanak – kanak menawarkan perlindungan asas sahaja
- C. Sijil Takaful yang menawarkan perlindungan dan juga pelaburan dipanggil Takaful Berkaitan Pelaburan
- D. Sijil Takaful Keluarga memberikan hak untuk berkongsi keuntungan dan pengagihan lebihan

41 Nilai asset dana berkaitan pelaburan adalah tertakluk kepada:

- A. Prestasi pasaran saham
- B. Prestasi dana pelaburan
- C. Saiz dana pelaburan
- D. Prestasi perniagaan pengendali takaful

42 Berikut adalah kebaikan melabur dalam saham amanah, KECUALI:

- A. Pulangan yang terjamin
- B. Diurus oleh pengurus portfolio pelaburan yang berkelayakan
- C. Pelaburan yang disatukan di dalam satu dana yang disertai oleh lain – lain pelabur
- D. Ia adalah pelaburan yang memungkinkan mencapai skala ekonomi yang lebih besar

43 Jika peserta masih hidup sehingga tarikh matang pelan Takaful beliau, manfaat Takaful akan dibayar kepadanya mengikut cara yang berikut:

- I Jumlah terkumpul di dalam Dana Pelaburan Peserta
- II Bahagian keuntungan daripada pelaburan dalam Dana Pelaburan Peserta, jika ada
- III Jumlah sumbangan yang dibayar oleh peserta
- IV Peruntukan lebihan bersih dari dana Risiko Peserta, jika ada

- A I, III dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

44 Berikut adalah kelebihan melabur dalam sukuk, KECUALI:

- A. Pelaburan sukuk boleh dijangka dan oleh itu pelabur boleh menganggarkan berapa banyak keuntungan/pendapatan yang bakal diperolehi, berapa kerap ia akan menerima dan bila modal pelaburan akan diperolehi semula (tarikh matang)
- B. Sukuk adalah lebih terjamin berbanding dengan saham (yang biasanya mengalami turun naik harga dalam jangka pendek)
- C. Memberi pulangan yang tinggi
- D. Kadar dividen yang dibayar biasanya lebih tinggi dari kadar akaun simpanan bank

45 Manakah antara faktor – faktor berikut perlu dipertimbangkan apabila memilih sesebuah pelan Takaful Keluarga

- I Tahap perlindungan dan keperluan peribadi
- II Skop perlindungan dan manfaat
- III Keupayaan kewangan
- IV Pengendali Takaful Semula berlesen

- A I dan II
- B I, II dan III

- C II, III dan IV
- D I,II, III dan IV

46 Apakah risiko yang berkaitan dengan pelaburan di bawah pelan takaful berkaitan pelaburan?

- I Kehilangan sebahagian atau kesemua modal pelaburan awal
- II Risiko kadar pulangan pelaburan tidak menepati jangkaan pelabur
- III Risiko kadar pulangan pelaburan yang sentiasa turun naik mengikut kadar faedah
- IV Risiko pasaran yang memberi kesan kepada keseluruhan pasaran; umpamanya perubahan peraturan, keadaan pasaran dll

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D I, II, III dan IV

47 Apabila pengendali Takaful mengeluarkan surat bebanan, ia bermaksud:

- A. Penyata tahunan kepada pemohon
- B. Surat penolakan kepada pemohon
- C. Surat tawaran balas kepada pemohon
- D. Surat perisytiharan bonus kepada pemohon

48 Dana Pertumbuhan adalah sesuai untuk pelabur – pelabur berikut, KECUALI:

- A. Para pesara yang ingin mengekalkan seberapa banyak asset yang dia ada
- B. Ibu bapa yang membuat tabungan untuk masa depan anak – anak mereka
- C. Eksekutif muda yang membuat simpanan untuk persaraannya kelak
- D. Pasangan baru berkahwin yang membuat simpanan untuk usia tua mereka

49 Suatu tuntutan boleh timbul di bawah mana – mana salah satu dari situasi berikut:

- I Kematian orang yang dilindungi
- II Pada tarikh matang sijil takaful
- III Penyakit orang yang dilindungi
- IV Hilang upaya orang dilindungi

- A I, II dan III
- B I, III dan IV
- C II, III dan IV
- D I, II, III dan IV

50 Manakah antara yang berikut adalah matlamat Maqasid al – Shariah?

- I Pemeliharaan agama
- II Pemeliharaan nyawa
- III Pemeliharaan harta
- IV Pemeliharaan intelek

- A I dan II
- B I,II dan IV
- C II, III dan IV
- D I,II, III dan IV

51

I Insurans mengandungi riba	Takaful Bebas daripada riba
II Kontrak dalam insurans adalah berdasarkan jual dan beli	Takaful adalah berdasarkan kepada konsep pendermaan
III Insurans memberikan perlindungan	Dalam Takaful peserta saling menjamin antara satu sama lain
IV Jawatankuasa Penasihat Syariah diwajibkan di dalam Pengendali Insurans	Jawatankuasa Penasihat Syariah tidak diwajibkan di dalam Pengendali Takaful

- A I dan II
- B II, III dan IV
- C I, II dan III
- D III dan IV

52 Peraturan – peraturan cukai membenarkan pemastautin cukai individu potongan Malaysia atas pendapatan bercukai bagi Takaful Keluarga dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sehingga maksimum:

- A. RM5,000
- B. RM2,500
- C. RM3,000
- D. **RM6,000**

53 Setelah analisis maklumat lengkap, pengunderait (underwriter) pada asasnya mempunyai pilihan – pilihan berikut:

- I Menerima permohonan
- II Meluluskan permohonan dengan beberapa syarat dikenakan
- III Menolak permohonan
- IV Menawarkan produk lain kepada pelanggan

- A I dan II
- B I,II dan III
- C II, III dan IV
- D **I, II, III dan IV**

54 Tempoh masa bersesuaian untuk memberi notis kerugian di dalam tuntutan Takaful Perubatan dan Kesihatan biasanya

- A. **Dalam 30 hari**
- B. Dalam 45 hari
- C. Dalam 60 hari
- D. Dalam 90 hari

55 Proses penilaian dan penarafan risiko untuk pengeluaran sijil dipanggil sebagai

- A. Pengauditan
- B. Pemprosesan
- C. Urus khidmat polisi
- D. **Pengunderaitan**

56 Di bawah pelan perlindungan Takaful Keluarga, bayaran sumbangan boleh dibuat dalam bentuk?

- I Bayaran tunai atau cek
- II Debit langsung
- III Potongan gaji
- IV Surat jaminan

- A I dan II
- B II dan IV
- C **I, II dan III**
- D I, II, III dan IV

57 Operator Takaful perlu menguruskan tiga dana yang berbeza iaitu

- I Dana Perbelanjaan Pengurusan
- II Dana Takaful Keluarga

- III Dana Takaful Am
- IV Dana Pemegang Saham

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

58 Berapa bilangan prinsipal yang boleh diwakili oleh seorang ejen Takaful?

- A. Satu pengendali Takaful Keluarga dan tidak melebihi dua Takaful Am
- B. Satu pengendali takaful Am dan tidak melebihi dua Takaful Keluarga
- C. Tidak melebihi dua pengendali Takaful Keluarga dan Takaful Am
- D. Satu pengendali Takaful Keluarga dan satu pengendali Takaful Am

59 Pengantara takaful adalah seseorang yang:

- A. Mempromosi produk Takaful kepada prospek
- B. Melaksanakan aktiviti – aktiviti pengunderaitan
- C. Menentukan penyelesaian tuntutan
- D. Menjalankan pelaburan bagi pihak pelanggan

60 Pernyataan berikut berkenaan konsep Takaful adalah benar, KECUALI:

- A. Ia adalah pelan perkongsian keuntungan pelaburan dengan peserta
- B. Ia adalah berkenaan dana dikumpulkan dari peserta
- C. Ia berdasarkan konsep saling membantu dan penyatuan
- D. Ia adalah satu skim pemindahan risiko daripada seorang peserta kepada yang lain

61 Sumbangan Takaful yang dibayar oleh peserta akan di kumpulkan di dalam:

- A. Dana Mudharabah
- B. Dana Wakalah
- C. Dana Syariah
- D. Dana Takaful

62 Pengendali Takaful perlu melantik seorang ahli Jawatankuasa Syariah yang mesti memenuhi kriteria berikut:

- A. Seseorang yang mempunyai pengalaman operasi Takaful
- B. Seseorang yang memiliki kelayakan di sisi undang – undang
- C. Seseorang yang mempunyai mana – mana kelayakan
- D. Seseorang yang telah dilatih dalam Usul al-Fiqh atau Fiqh al- Mua'malat

63 Apakah yang dimaksudkan dengan Takaful dalam Bahasa Arab?

- A. Penyertaan
- B. Bantuan
- C. Derma
- D. Saling menjamin

64 Bahaya moral boleh disebut sebagai

- A. Keadaan fizikal perkara pokok yang menambah kebarangkalian kerugian
- B. Keadaan yang menambah kebarangkalian kerugian
- C. Sikap individu yang menambah kebarangkalian kerugian
- D. Keadaan perkara pokok yang menambah kebarangkalian kerugian

65 Yang manakah di antara contoh berikut adalah peril?

- I Kebakaran hutan

- II Gempa bumi
- III Perlanggaran kenderaan
- IV Lebih muatan

- A I dan II
- B II dan IV
- C I, II dan III
- D I, II, III dan IV

66 Yang manakah diantara kenyataan berikut mengenai “Faedah Takaful Dibenarkan” adalah SALAH?

- A. Faedah Takaful Dibenarkan adalah hak undang – undang untuk melindungi kepentingan kewangan yang sah milik peserta yang dilindungi
- B. Faedah Takaful Dibenarkan tidak wujud apabila individu mempunyai kepentingan ke atas harta sendiri mengalami kerugian hartanya rosak dan musnah
- C. Kepentingan kewangan seseorang dalam perkara – perkara yang dilindungi tidak iktiraf, dia tidak mempunyai Faedah Takaful yang diperlukan bagi perlindungan Takaful yang sah
- D. Individu mempunyai Faedah Takaful Dibenarkan untuk keretanya kerana dia akan mengalami kerugian kewangan sekiranya kemalangan jalan raya.

67 Yang manakah diantara kenyataan berikut adalah BENAR mengenai Takaful Penyakit Kritikal?

- I Ia merupakan pelan perlindungan terhadap penyakit kritikal yang dinyatakan
- II Ia juga dikenali sebagai Takaful Penyakit Merbahaya
- III Manfaat akan dibayar sekaligus apabila tuntutan dibuat
- IV Ia boleh disertai samada sebagai pelan asas atau sebagai rider

- A I dan II
- B II, III dan IV
- C III dan IV
- D I, II, III dan IV



68 Mengapa jantung adalah penting dalam pengunderaitan?

- A. Lelaki dan perempuan mempunyai risiko yang berbeza
- B. Lelaki dan perempuan mempunyai tahap kemortalan dan kadar mobiditi berbeza
- C. Perempuan menabung lebih baik berbanding dengan lelaki
- D. Perempuan adalah pembayar yang lebih baik berbanding dengan lelaki

69 Dalam kemasukan Hospital Tanpa Tunai, peserta Takaful Perubatan dan Kesihatan akan menikmati faedah berikut apabila dia dimasukkan ke hospital:

- I Kemasukan ke hospital panel melalui pengeluaran surat jaminan dan deposit hospital boleh dihapuskan
- II Setelah keluar dari hospital, peserta tidak perlu menyelesaikan bil dengan hospital
- III Semua manfaat yang layak akan dikendalikan oleh pengendali Takaful
- IV Elaun hospital akan dibayar oleh pihak hospital bagi pihak pengendali Takaful

- A I dan II
- B II dan III
- C I, II dan III
- D II, III dan IV

70 Riba yang muncul daripada jual beli barangan ribawi disebut sebagai

- A. Riba duyun
- B. Riba jahiliyah
- C. Riba qard
- D. Riba buyu

71 Semangat Takaful menekankan

- A. Pemindahan risiko daripada seorang peserta yang lain
- B. Berkongsi tanggungjawab dan bantuan bersama di kalangan peserta**
- C. Keuntungan atas mana – mana kejadian yang tidak diinginkan yang menimpa peserta
- D. Kewajipan kepada peserta dan bukan peserta

72 Manakah antara berikut BUKAN teknik mencegah dan mengurangkan kerugian dalam kejadian kebakaran?

- A. Memberi latihan kepada pekerja mengenai langkah – langkah mencegah kebakaran
- B. Pelupusan bahan buangan dengan cara yang wajar dan menjaga kebersihan sepanjang masa
- C. Penggunaan bahan yang tidak mudah terbakar dalam sector pembinaan
- D. Pemasangan pemercik air di taman**

73 Di bawah kontrak _____ peserta melantik Pengendali Takaful sebagai ejen untuk menguruskan dana Takaful

- A. Mudharabah
- B. Wakalah**
- C. Jualah
- D. Waqf

74 Berikut adalah standard minimum yang ditetapkan didalam Garis Panduan mengenai Perniagaan Takaful Perubatan dan Kesihatan:

- I Memenuhi keperluan individu untuk mempunyai akses kepada penjagaan kesihatan swasta dengan cara yang manusabah dari skop komersial kepada kebanyakan penduduk
 - II Menetapkan tahap perlindungan yang bersesuaian untuk peserta
 - III Memastikan perniagaan yang mampan melalui dasar penentuan harga dan pengunderaitan yang kukuh
 - IV Menggalakkan persaingan sihat dalam industri untuk membolehkan penduduk umum mendapat pelbagai pilihan yang berpatutan dengan Perlindungan Kesihatan dan Perubatan
 - V Memastikan kecekapan Pentadbir Pihak Ketiga (TPA)
- A I dan II
 - B I, II dan III
 - C I, II, III dan IV**
 - D Semua di atas

75 Tujuan Takaful hendaklah membayar ganti rugi peserta sekiranya berlaku kerugian akibat daripada peril yang dilindungi dan ia adalah kewajipan pengantara bagi memastikan bahawa janji ini ditepati. Tindakan segera oleh perantara sekiranya berlaku kerugian adalah seperti berikut, KECUALI:

- A. Untuk mendapatkan Borang Tuntutan daripada Pengendali Takaful untuk pelanggan
- B. Mengesahkan kerugian terhadap liputan sijil
- C. Untuk memberikan maklumat kepada Pengendali Takaful
- D. Berunding dengan Pengendali Takaful untuk penyelesaian adil dan manusabah**

76 Kenyataan berikut yang manakah menerangkan pengendali takaful berhak menolak tuntutan?

- I Kerugian yang dilaporkan tidak wujud
- II Kerugian atau kerosakan disebabkan peril yang tidak dilindungi didalam sijil takaful
- III Kerugian atau kerosakan adalah disebabkan peril yang dikecualikan
- IV Sijil takaful dalam keadaan batal disebabkan perlanggaran syarat

- A I dan II
- B I, II dan III
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

77 Elaun tunai hospital adalah _____


- A. Untuk menyediakan manfaat tunai harian sekiranya di masukkan ke hospital
- B. Untuk menyediakan bayaran balik untuk perbelanjaan medikal
- C. Untuk memberikan diskaun untuk kemudahan yang diberikan
- D. Untuk menyediakan kredit untuk dibawa hadapan untuk tuntutan akan datang

78 Manakah antara istilah berikut, TIDAK berkaitan kepada Takaful?

- A. Ijarah
- B. Tabarru'
- C. Wakalah
- D. Mudharabah

79 Manakah antara berikut BUKAN tujuan tempoh menunggu?

- A. Untuk mengelakkan penyakit yang sebenarnya telah wujud sebelum perlindungan sijil bermula
- B. Untuk memastikan peserta tidak jatuh sakit semasa tempoh awal perlindungan sijil
- C. Untuk mengurangkan nisbah tuntutan
- D. Untuk memastikan kestabilan dana risiko



80 Carta di atas menggambarkan satu proses dikenali sebagai:

- A. Pemasaran
- B. Tuntutan
- C. Urus Khidmat Polisi
- D. Pengunderaitan

81 Bilakah proses tuntutan Takaful berakhir?

- A. Apabila surat indemniti dikeluarkan
- B. Apabila tuntutan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Tuntutan Pengendali Takaful
- C. Apabila tuntutan telah diselesaikan
- D. Apabila penyelaras insurans telah menyiapkan laporan tuntutan

82 Penambahan sumbangan merujuk kepada:

- I Pengendali Takaful menambah sumbangan asas Takaful untuk melindungi perbelanjaan operasi dan mengendali perniagaan
- II Sumbangan Takaful tambahan biasanya dikaitkan dengan sejarah perubatan yang kurang baik, tabiat atau hobi berbahaya
- III Pengalaman tuntutan tidak akan menjadi faktor untuk pengendali Takaful mengenakan sumbangan Takaful tambahan
- IV Sekiranya peserta menghidapi penyakit sedia ada tertentu, sumbangan Takaful tambahan akan dikenakan sekiranya risiko tersebut dianggap tinggi

- A I,II dan III
- B I, II dan IV

- C II, III dan IV
- D I, II, III dan IV

83 Manakah antara pernyataan berikut mengenai notis pembaharuan adalah TIDAK BENAR?

- A. Pengendali Takaful biasanya akan mengeluarkan notis pembaharuan kira – kira dua bulan sebelum tarikh luput kepada pemegang sijil
- B. Notis pembaharuan bertindak sebagai peringatan kepada peserta bahawa perlindungan Takaful akan luput dan sebagai jemputan kepada peserta untuk memperbaharui sijil
- C. Notis pembaharuan boleh digunakan sebagai bukti perlindungan sementara dan membuktikan wujudnya kebolehan - insurans
- D. Hanya butiran penting dan ringkas mengenai perlindungan Takaful sahaja yang dinyatakan dalam notis pembaharuan Takaful seperti jumlah dilindungi, tarikh tamat perlindungan, individu atau harta

84 Apakah jenis tuntutan tidak boleh dirujuk kepada Biro Pengantaraan Kewangan

- A. Tuntutan Motor di bawah RM200,000
- B. Tuntutan Kebakaran di bawah RM200,000
- C. Tuntutan Pihak Ketiga melebihi RM5,000
- D. Tuntutan Takaful Keluarga di bawah RM100,000

85 Yang manakah di antara skim takaful berikut menyediakan perlindungan dan simpanan jangka panjang kepada peserta?

- A. Takaful Am
- B. Takaful Keluarga
- C. Takaful Semula
- D. Takaful Bersama

86 Yang manakah di antara jenis dana berikut berkaitan dengan Amanah Pelaburan?

- A. Dana Terbuka
- B. Dana Tertutup
- C. Dana Separa Tertutup
- D. Dana Separa Terbuka

87 Untuk tuntutan kematian, penama atau waris perlu mengemukakan dokumen – dokumen berikut, KECUALI

- A. Salinan sah sijil kematian
- B. Salinan kad pengenalan si mati
- C. Pengesahan dari ejen takaful mengenai hubungan antara si mati dengan penama
- D. Sijil asal takaful

88 En Osman memiliki sijil takaful keluarga bertempoh yang telah berkuatkuasa selama 7 tahun. Tarikh jatuh bayaran sumbangan tahunan ialah pada 7 Februari 1987, tetapi En Osman hanya membayarnya pada 6 April 1987. Amaun sumbangan yang perlu dibayar ialah _____

- A. Amaun sumbangan yang sepatutnya dibayar untuk tempoh 7 Februari sehingga 5 April 1987
- B. Amaun sumbangan yang sepatutnya dibayar pada 7 Februari 1987
- C. Amaun sumbangan tahunan dan yuran penguatkuasaan semula sebanyak RM200
- D. Amaun sumbangan tahunan berserta faedah untuk tempoh 7 Mac hingga 5 April 1987

89 Pengendali takaful menggunakan asas – asas berikut dalam menentukan umur pencadang

- A. Umur harijadi akan datang
- B. Umur pada tahun ini
- C. Umur harijadi yang telah lepas
- D. Salah satu dari yang di atas

90 Yang manakah di antara dokumen berikut perlu disertakan ketika mengemukakan tuntutan hilang upaya kekal dan menyeluruh?

- A. Laporan pengesahan perubatan oleh doktor pakar yang merawat
- B. Surat pengesahan oleh kakitangan tuntutan pengendali takaful
- C. Laporan bertulis oleh ejen takaful
- D. Surat probat yang diperolehi dari mahkamah

91 Aset yang dimiliki oleh Pengendali Takaful Keluarga meliputi aset berikut KECUALI:

- A. Pelaburan dalam sekuriti kerajaan
- B. Wang Tunai
- C. Pembiayaan dari Perbankan Islam
- D. Saham di badan – badan korporat

92 Berapakah manfaat kematian minimum pelan takaful berkaitan pelaburan dengan sumbangan tetap?

- A. RM3,000 atau gandaan amaun sumbangan tahunan, yang mana lebih tinggi
- B. RM5,000 atau gandaan amaun sumbangan tahunan, yang mana lebih tinggi
- C. RM7,500 atau gandaan amaun sumbangan tahunan, yang mana lebih tinggi
- D. RM5,000 atau gandaan amaun sumbangan tahunan, yang mana lebih rendah

93 Yang manakah di antara berikut merupakan faktor – factor yang dipertimbangkan untuk membuat pelaburan?

- I Aspek – aspek percukaian
- II Prestasi pelaburan
- III Kepelbagaian
- IV Dana sedia ada

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas



94 Perbelanjaan yang ditanggung oleh pengendali takaful keluarga untuk setiap sijil yang dikeluarkan boleh dibahagikan kepada kategori – kategori berikut, KECUALI:

- A. Perbelanjaan kawal selia
- B. Perbelanjaan awal
- C. Perbelanjaan pembaharuan
- D. Perbelanjaan penamatan

95 Bagaimana risiko kadar keuntungan boleh timbul?

- A. Risiko timbul dari keadaan turun naik nilai aset yang menjanjikan keuntungan seperti pembiayaan atau sukuk, disebabkan kadar keuntungan berubah
- B. Prestasi pasaran saham yang sentiasa turun naik
- C. Semakan semula ke atas status aset mematuhi Syariah yang sedang dimiliki
- D. Pergerakan tidak menentu kadar mata wang boleh mengakibatkan penurunan dalam pulangan dan kerugian modal terutamanya apabila melabur dalam dana yang bukan dalam denominasi ringgit

96 Yang manakah di antara kenyataan berikut adalah BENAR mengenai penamaan sijil takaful?

- I Orang yang dinamakan akan bertindak sebagai pemegang amanah untuk menerima prosid/manfaat sijil

- II Prosid/manfaat sijil akan membentuk sebahagian daripada harta pusaka si mati
- III Orang yang dinamakan adalah pemilik yang sah kepada prosid/manfaat sijil
- IV Penama akan mengagihkan prosid/manfaat sijil kepada waris yang berhak
- V Prosid/manfaat sijil tidak dianggap sebagai sebahagian daripada harta pusaka si mati

- A I, II dan III
- B I, III dan IV
- C II, III dan V
- D Semua di atas

97 Sijil takaful keluarga biasanya menyediakan perlindungan dari risiko berikut, KECUALI:

- A. Kematian
- B. Hilang upaya disebabkan penyakit
- C. Hilang upaya disebabkan provokasi sehingga mengakibatkan suatu serangan
- D. Tiada berkenaan

98 Endorsemen boleh dibuat atas mana – mana sijil takaful atas sebab – sebab berikut, KECUALI:

- A. Menambah atau mengurangkan amaun ansuran atau sumbangan takaful
- B. Perubahan tempoh takaful
- C. Menyertakan manfaat tambahan
- D. Setelah sesuatu tuntutan dikemukakan

99 Di Malaysia, peraturan perniagaan takaful dicapai melalui pentadbiran dan penguatkuasaan Akta Takaful 1984. Penguatkuasaan Akta adalah dibawah kuasa Gabenor Bank Negara yang juga Ketua Pengarah Takaful. Tujuan utama Akta tersebut diperkenalkan termasuklah:

- I Melindungi kepentingan awam
- II Melindungi kepentingan kerajaan
- III Mengutamakan keadilan dan kesaksamaan
- IV Memainkan peranan kearah pembangunan



- A I, II, III dan IV
- B I, II dan III
- C I, III dan IV
- D I dan II sahaja

100 Bilakah Penyata perlu dihantar kepada peserta?

- A. Dalam tempoh empat bulan dari tarikh akhir setiap tahun kewangan pengendali Takaful
- B. Dalam tempoh dua bulan dari tarikh setiap tahun kewangan pengendali Takaful
- C. Dalam tempoh enam bulan dari tarikh akhir setiap tahun kewangan pengendali Takaful
- D. Dalam tempoh tiga bulan dari tarikh akhir setiap tahun kewangan pengendali Takaful